

13 kampung dilanda banjir kilat

Oleh OTHMAN YAHAYA
berita@kosmo.com.my

TASEK GELUGOR – Hujan lebat tanpa henti sejak tengah hari kelmarin mengakibatkan 13 kampung di sekitar daerah ini dilanda banjir kilat.

Kampung terlibat ialah Labuh Banting, Padang Menora, Paya Tok Akil, Chegar, Seberang Tok Dol, Huma, Guar Petai, Lahar Yooi, Lubuk Meriam, Desa Puri, Merbau Kudong, Air Itam Dalam dan Kampung Telok Pokok Machang.

Hujan lebat berterusan menyebabkan paras air Sungai Jarak naik mendadak sebelum melimpah.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya berkata, seramai 300 orang membabitkan 53 keluarga telah dipindahkan ke tiga buah pusat pemindahan sehingga pukul 12 tengah hari semalam.

Menurut beliau, sebanyak 30 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Labuh Banting, lapan keluarga di Padang Menora dan 15

keluarga lagi di Paya Tok Akil.

"Kita jangka lebih ramai penduduk dipindahkan kerana hujan diramal berterusan menyebabkan air Sungai Jarak kekal pada paras bahaya.

"Semua agensi bertanggungjawab seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) bersedia menggerakkan usaha memindah mangsa-mangsa banjir," katanya.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Kepala Batas ditemui semasa meninjau tiga pusat pemindahan itu serta menyampaikan bantuan berupa makanan, tilam dan selimut kepada mangsa-mangsa banjir berkenaan.

Turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Mohd. Yusoff Mohd. Noor; ADUN Permatang Berangan, Omar Hamid dan Ketua Penolong Pegawai Daerah SPU, Akmal Affendi.

Sementara itu, beberapa kawasan di Bukit Mertajam turut terjejas aki-

bat banjir kilat.

Antara yang teruk ialah di Kampung Padang Lalang, Permatang Rawa, Kampung Tok Suboh, Permatang Batu, Kebun Sireh, Desa Damai, Simpang Ampat dan Tanah Liat apabila air mula naik sejak pukul 7 petang kelmarin.

Di **Kulim, Kedah** pula, lebih 500 penduduk daripada beberapa buah kampung di kawasan Parlimen Padang Serai dekat sini dipindahkan ke pusat pemindahan setelah rumah mereka dinaiki air selepas hujan berterusan hampir lima jam sejak petang kelmarin.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah Kulim, Rohana Yusof berkata, mangsa dipindahkan ke surau dan dewan orang ramai apabila kawasan perumahan di Kampung Batu Putih, Paya Serdang, Sungai Gelugor, Padang Ubi, Sungai Kob, Merbau Pulau, Padang Katong, Jubai dan Bikam Atas dinaiki air sejak pukul 12 tengah malam kelmarin.



BEBERAPA kanak-kanak mengambil kesempatan bermain air banjir di Permatang Tok Suboh, Bukit Mertajam, Pulau Pinang semalam.